

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TEKNOLOGI TUN HUSSIEN ONN

KUiTTHO.(PB)10.12/03.Jld.2(41)

20 hb Februari 2001

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 /2001

### PEMATUHAN PROSEDUR KEWANGAN

Adalah dimaklumkan bahawa mengikut semakan kami masih terdapat Pusat Tanggungjawab tidak mengikut peraturan yang ditetapkan didalam pengurusan kewangan. Untuk memastikan semua Pusat Tanggungjawab KUiTTHO mematuhi prosedur kewangan yang telah ditetapkan, pihak Universiti telah memutuskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bil. 1/2001 untuk mengambil tindakan tunjuk sebab dan tatatertib bagi pegawai Pusat Tanggungjawab yang dipertanggungjawab mengurus kewangan jika gagal melaksanakan tugas seperti berikut :-

- i) Universiti lewat melaksanakan tempoh pembayaran 30 hari dari tarikh serahan invoice pembekal.
- ii) Gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti iaitu:-
  1. Peraturan perolehan.
  2. Peraturan pelupusan harta tetap/inventori/stok.
  3. Peraturan pengurusan harta tetap/inventori/stok.
  4. Peraturan penerimaan hadiah/derma dan sumbangan.
  5. Peraturan pengurusan kehilangan.
  6. Peraturan mengemukakan tuntutan perjalanan dan dokumen-dokumen yang disahkan.
  7. Peraturan dan kelayakan "Kerja Lebih Masa".
  8. Lain-lain peraturan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan.
- iii) Sebelum sesuatu bengkel/seminar/kursus diadakan, perlu mendapat kelulusan Timbalan Pengarah Pembangunan & HEP jika had perbelanjaan melebihi RM5,000.00 dan jika had perbelanjaan kurang RM5,000.00 kelulusan daripada ketua Pusat Tanggungjawab. Satu salinan kelulusan kertas kerja diserahkan ke Pejabat Bendahari.


- iv) Penggunaan Panjar Wang Runcit yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan.

Pelaksanaan Pekeliling ini berkuatkuasakan serta merta. Seluruh staf diharap dapat memberikan sepenuh kerjasama bagi melancarkan segala urusan Universiti ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang Benar,



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**  
Pejabat Bendahari  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn  
Tel 4546007

- s.k.
- Rektor
  - Timbalan Pengarah (Pembangunan & Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Pengarah (Akademik & Pengajian Siswazah)
  - Dekan-dekan Fakulti/ Sekolah
  - Ketua-ketua Pejabat/Bahagian/Pusat/Unit